

22 SEP 1996

Anwar - Pendatang

STRATEGI TANGANI MASALAH PENDATANG DI SABAH DIRANGKA

KOTA KINABALU, 22 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan merangka satu strategi lebih kemas untuk menangani masalah pendatang tanpa izin di Sabah pertengahan bulan depan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata perkara itu akan dibangkitkan pada satu mesyuarat Majlis Keselamatan Negara yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan dihadiri oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee, memandangkan jumlah pendatang tanpa izin di Sabah telah bertambah kepada 500,000 orang.

Ia merupakan mesyuarat biasa tetapi satu tajuk ialah masalah jumlah pendatang tanpa izin yang bertambah di Sabah yang mesti ditangani, kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan kongress Parti Liberal Demokratik (LDP) Kelima di sini.

"Jadi kita harus merangka satu strategi yang lebih kemas yang melibatkan pihak keselamatan," katanya.

Anwar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Pekerja Asing berkata kerajaan terpaksa meneliti masalah pendatang tanpa izin di negeri ini berikutan bantahan masyarakat tempatan yang meningkat. Faktor lain, kata beliau, ialah kerana jumlah mereka adalah terlalu besar.

Apabila ditanya sejauhmana seriusnya masalah itu, Anwar berkata: "Sekiranya jumlah pendatang (tanpa izin) melebihi setengah juta orang maka ia adalah serius."

Beliau juga berkata masalah itu perlu ditangani walaupun sukar kerana ia melibatkan beberapa perkara iaitu pekerja asing, pelanggaran undang-undang, kes-kes jenayah serta penggunaan semula kemudahan asas oleh golongan pendatang tanpa izin.

"Kita perlu tangannya dan mudah-mudahan kita dapat menyelesaikannya berdasarkan kerjasama kerajaan dengan kerajaan jiran," katanya.

Anwar berkata mesyuarat MKN berbeza daripada peranan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pekerja Asing kerana majlis itu terlibat dengan isu keselamatan manakala jawatankuasa itu mengendalikan soal pekerja dan imigresen.

Menurutnya mesyuarat itu juga akan membincangkan masalah rakyat asing di seluruh negara. --BERNAMA

HAK ES MAI